



DR. 11 TAHUN 2021
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
(KPT) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG**

**PENGURUSAN *EDUCATION MALAYSIA GLOBAL
SERVICES* (EMGS)**



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] **- Pengerusi**
2. YB. Dato' Seri Panglima Hajah Azidah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] **- Naib Pengerusi**
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
5. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
6. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
7. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
8. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
9. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
10. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
11. YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
12. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
13. YB. Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]
14. YB. Dato Haji Salim Sharif [Jempol]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin **- Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat**

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Unit Perancang Ekonomi (EPU)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
(KPT) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LATAR BELAKANG	1 - 3
2	PENDAHULUAN	4
3	TINDAKAN SUSULAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN <i>EDUCATION MALAYSIA GLOBAL SERVICES (EMGS)</i> (DR.14/2020)	5 - 14

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN *EDUCATION*
MALAYSIA GLOBAL SERVICES
*(EMGS)***

LATAR BELAKANG



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG**


PENGURUSAN *EDUCATION MALAYSIA GLOBAL SERVICES* (EMGS)

1 LATAR BELAKANG

- 1.1 Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan mengenai Pengurusan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) Di Bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 4 September 2019, 9 Oktober 2019 dan 28 November 2019 iaitu dalam Prosiding Bilangan 33/2019, Bilangan 42/2019 dan Bilangan 49/2019 yang bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan syarikat EMGS dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif penubuhan syarikat.

- 1.2 Isu ini adalah merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1 Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Julai 2019.
- 1.3 Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam pengurusan EMGS iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pendidikan, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) EMGS dan mantan CEO EMGS untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.
- 1.4 Pada 8 Disember 2020 Jawatankuasa ini membentangkan Laporan PAC Parlimen bertajuk Pengurusan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) Di Bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di Dewan Rakyat.
- 1.5 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan tujuh (7) syor yang perlu diambil tindakan oleh KPT.
- 1.6 Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304 (b), tindakan-tindakan berikut perlu diambil KPM selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat:
 - i. Agensi Kerajaan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan terdapat wakil Kerajaan dalam Lembaga Pengarah masing-masing pada semua masa material untuk memastikan setiap keputusan yang diambil adalah sejajar dengan hala tuju Kementerian.
 - ii. KPT dan EMGS perlu memastikan SCICOM melaksanakan kesemua tanggungjawab di bawah Perjanjian antara EMGS dan SCICOM bertarikh 1 November 2012 khasnya pelaksanaan skop kerja seperti yang termaktub dalam klausa 5 dan Apendiks 2 Perjanjian.

- iii. KPT perlu mengkaji dan merunding semula Perjanjian SCICOM mengikut perkembangan dan permintaan semasa. Sistem Permohonan dan Pendaftaran Pelajar (STARS) perlu dipertingkatkan daripada segi penyimpanan data dan KPT juga perlu memastikan semua data dalam STARS disimpan, diselia dan dimiliki oleh EMGS serta Kementerian dan bukan diserahkan atau dikawal selia oleh syarikat vendor.
 - iv. Amalan mana-mana Menteri atau pun Timbalan Menteri memohon pelantikan Pegawai Khas mereka menerusi perjawatan dalam Agensi Kerajaan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan harus dikaji semula. Segala pelantikan dalam jawatan Agensi Kerajaan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan harus membawa manfaat langsung kepada pihak masing-masing.
 - v. Agensi Kerajaan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan hendaklah mematuhi Prosedur Perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebarang pengecualian perlu merujuk kepada kelulusan daripada Kementerian demi tadbir urus korporat yang lebih baik.
 - vi. EMGS hendaklah meminda Perlembagaan (*Memorandum & Articles of Association*) dengan mengetatkan urus tadbir korporat serta mengembalikan hak dan kepentingan Kementerian.
 - vii. KPT perlu merangka Model Perniagaan baru untuk EMGS memandangkan kemasukan pelajar asing ke Malaysia perlu terus ditingkatkan bagi membantu Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) khususnya pasca penularan pandemik virus COVID-19.
- 1.7 Sehubungan itu, KPT bersama-sama dengan pihak EMGS telah memberikan taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal KPT ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR. 14/2020 di hadapan PAC Parlimen pada 5 Oktober 2021.



PENDAHULUAN

2 PENDAHULUAN

2.1 Pengurusan EMGS di Bawah KPT ialah sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1 Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Julai 2019.

2.2 Prosiding PAC yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	4 September 2019/ 10.00 pagi	Bil. 33/2019	i. YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Bin Abas (Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)) ii. Encik Shahinuddin bin Shariff (CEO EMGS)
2.	9 Oktober 2019/ 11.00 pagi	Bil.42/2019	YBhg. Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa (Mantan CEO EMGS)
3.	28 November 2019/ 11.30 pagi	Bil.49/2019	i. YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Bin Abas (Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)) ii. Encik Shahinuddin bin Shariff (CEO EMGS)

2.3 Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 8 Disember 2020. Surat PAC Parlimen rujukan PAR/PAC 3/25/13 (26) bertarikh 19 November 2020 telah mengemukakan rumusan dan syor-syor berhubung Laporan PAC Parlimen DR. 14/2020 dan berkehendakkan tindakan susulan dari KPT.

2.4 KPT mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim secara bertulis ke Sekretariat PAC pada 13 Januari 2021 dan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal KPT ke Atas Syor-syor Laporan PAC Parlimen DR. 14/2020.

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PENGAJIAN
TINGGI (KPT)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN (DR.14/2020)**

3 TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

- 3.1 **Syor 1: Kerajaan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan terdapat wakil Kerajaan dalam Lembaga Pengarah masing-masing pada semua masa material untuk memastikan setiap keputusan yang diambil adalah sejajar dengan hala tuju Kementerian.**

Maklum Balas KPT

- 3.1.1 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mencadangkan perubahan komposisi di dalam Lembaga Pengarah sebaik sahaja Yang Berhormat (YB) Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dilantik sebagai Menteri Pengajian Tinggi pada 10 Mac 2020. Antara penambahbaikan tersebut ialah pelantikan Datuk Rosli bin Yaakub, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPT dan Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sebagai Ahli Lembaga Pengarah berkuat kuasa pada 21 Julai 2020.
- 3.1.2 Bermula daripada tarikh tersebut, semua Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah EMGS telah dihadiri oleh wakil Kerajaan. Antara keputusan yang telah diambil oleh Ahli Lembaga Pengarah yang telah dipengerusikan oleh Wakil Kerajaan adalah:
- a) Penambahbaikan terhadap perlembagaan syarikat;
 - b) Perkara perkara mengenai SCICOM; dan
 - c) Meluluskan plan strategik syarikat yang selari dengan Rancangan Malaysia ke-12.
- 3.1.3 Di samping itu, YB Menteri Pengajian Tinggi juga telah mengesyorkan supaya lima (5) daripada enam (6) Ahli EMGS (*Members of EMGS*) hendaklah terdiri daripada wakil KPT berbanding dengan tiada seorang

pun wakil KPT/ pegawai Kerajaan yang dilantik di kalangan tiga (3) orang Ahli sebelum ini. Cadangan tersebut telah diluluskan dan didaftarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 30 Julai 2020 dan 26 Ogos 2020. Komposisi tersebut adalah bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.

Ulasan PAC

PAC secara keseluruhannya berpuas hati dengan maklum balas dan tindakan yang telah diambil oleh KPT. PAC juga menghargai tindakan KPT yang memastikan ada pelantikan wakil daripada Kerajaan di agensi-agensi yang lain seperti PTPTN.

- 3.2 **Syor 2: KPT dan EMGS perlu memastikan SCICOM melaksanakan kesemua tanggungjawab di bawah Perjanjian antara EMGS dan SCICOM bertarikh 1 November 2012 khasnya pelaksanaan skop kerja seperti yang termaktub dalam klausa 5 dan Apendiks 2 Perjanjian.**

Maklum Balas KPT

3.2.1 Klausa 5 kontrak secara umumnya menyatakan tanggungjawab SCICOM dalam membangun dan memastikan sistem STARS beroperasi dengan cekap dan berkesan. Lampiran 2 kontrak menyenaraikan skop kerja yang perlu dilaksanakan oleh SCICOM seperti berikut:

- a) Membangun, mengendalikan, menyelenggara dan mengemas kini Sistem Permohonan dan Pendaftaran Pelajar (STARS);
- b) Menubuhkan, mengendalikan dan menyelenggara pusat data untuk *hosting* STARS (STARS *Data Centre*);
- c) Menubuhkan, mengendalikan dan menyelenggara pusat pemprosesan dan kaunter perkhidmatan (Pusat Sehenti EMGS);
- d) Penyediaan "Help Desk" berbilang saluran (STAR *careline*);

- e) Sebarang fungsi, proses atau ruang lingkup lain yang disepakati antara kedua-dua pihak dari masa ke semasa; dan
- f) Memberi sokongan selepas pelaksanaan.

3.2.2 Sebahagian besar skop kerja yang berkaitan dengan perancangan awal dan pelaksanaan sistem STARS telah dilaksanakan oleh SCICOM. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang tidak dilaksanakan oleh SCICOM dengan alasan perkara-perkara tersebut tidak disebutkan dalam kontrak. Antara perkara yang tidak dilaksanakan oleh SCICOM adalah:

- a) Memberi akses yang penuh dan tidak terhad kepada data dalam STARS; dan
- b) Memberi *assurance* mengenai ketepatan data yang disediakan oleh SCICOM dan *assurance* terhadap sistem kawalan dalaman di sekitar proses penyediaan data.

3.2.3 Dalam perkara ini KPT setuju dengan penemuan PAC bahawa harus ada klausa-klausa yang lebih jelas dalam kontrak serta dapat menjaga kepentingan Kerajaan dan EMGS.

3.2.4 Berikut adalah usaha-usaha yang telah diambil oleh KPT bersama-sama pihak yang berkaitan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan kontrak yang sedia ada:

- a) Pada 11 Disember 2020, KPT bersama YB Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (Menteri Pengajian Tinggi) mengadakan perbincangan dengan Tetuan Lim Kian Leong (peguam yang mewakili EMGS) mengenai kemas kini status kes dan *way forward*;

- b) Pada 5 Januari 2021, Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh wakil dari KPT mengadakan perbincangan dengan Tetuan Lim Kian Leong mengenai kemas kini status kes dan *way forward*; dan
 - c) Pada 25 Jun 2021 Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh wakil dari KPT telah membincangkan lebih mendalam mengenai hal-hal yang berkaitan dengan SCICOM termasuk mandat untuk pihak pengurusan untuk berbincang dengan SCICOM mengenai pembahagian hasil, penambahbaikan kepada Lembaga Rayuan Perubatan dan penambahbaikan operasi yang lain.
- 3.2.5 Atas sebab yang sama, KPT mengambil iktibar atas kelemahan perjanjian yang terdahulu dan akan memastikan bahawa perkara yang sama tidak berulang dan lebih berhati-hati bagi mana-mana perjanjian yang ditandatangani pada masa akan datang.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang diambil oleh KPT. Secara umumnya, PAC melihat EMGS mengetahui tentang kelemahan dalam kontrak dan juga perkara-perkara yang belum diselesaikan oleh SCICOM seperti dalam kontrak.

- 3.3 Syor 3: KPT perlu mengkaji dan merunding semula Perjanjian SCICOM mengikut perkembangan dan permintaan semasa. Sistem Permohonan dan Pendaftaran Pelajar (STARS) perlu dipertingkatkan daripada segi penyimpanan data dan KPT juga perlu memastikan semua data dalam STARS disimpan, diselia dan dimiliki oleh EMGS serta Kementerian dan bukan diserahkan atau dikawal selia oleh syarikat vendor.**

Maklum Balas KPT

3.3.1 KPT dan EMGS sememangnya menyedari terdapat beberapa klausa dalam kontrak yang tidak memihak kepada Kerajaan misalnya agihan pendapatan, tiada *exit clause*, tempoh kontrak dan penyambungan kontrak, pemilikan sistem STARS, kawalan terhadap kandungan dan akses kepada data. Sehubungan itu, EMGS telah mengambil beberapa tindakan undang-undang terhadap SCICOM yang diperincikan seperti berikut:

a) Surat Tuntutan - (melalui Tetuan Mah Kamariyah Phillip)

Pada 24 Julai 2019, menghantar surat tuntutan untuk menuntut kos integrasi dan kos-kos operasi berkaitan.

b) Saman Pemula - (melalui Tetuan Mah Kamariyah Phillip)

Pada 24 Julai 2019, memfailkan saman pemula untuk mendapatkan akses yang penuh dan tidak terhad kepada data yang tertangkap dalam STARS (termasuk membenarkan KPMG Management and Risk Consulting Sdn Bhd (KPMG) melakukan Perkhidmatan Semakan IT).

c) Saman Writ - (melalui Tetuan Lim Kian Leong)

Pada 7 Februari 2020 memfailkan saman writ supaya mencabar kesahihan perjanjian yang dimeterai antara EMGS dan SCICOM pada 1 November 2012 dan menuduh SCICOM ke atas pelanggaran Seksyen 12 (1)(f) Akta Pasport 1966, Seksyen 8 (1)(e)(iii) Akta Rahsia Rasmi dan Seksyen 40 Akta Data Peribadi dan Perlindungan.

3.3.2 Pada masa ini, keputusan tindakan undang-undang adalah seperti berikut:

a) Surat Tuntutan - (melalui Tetuan Mah Kamariyah Phillip)

Tiada tindakan susulan buat masa ini.

b) Saman Pemula - (melalui Tetuan Mah Kamariyah Phillip)

Pada 11 Disember 2019, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengizinkan permohonan SCICOM untuk menghentikan prosiding yang dibawa oleh EMGS dan memerintahkan agar setiap perselisihan dirujuk ke timbang tara.

c) Saman Writ - (melalui Tetuan Lim Kian Leong)

Pada 17 Disember 2020, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membatalkan tindakan EMGS terhadap SCICOM. EMGS telah mengemukakan rayuan pada 6 Januari 2021.

3.3.3 Unit Undang-Undang KPT telah merujuk keputusan kes Mahkamah berkaitan EMGS (Guaman No. WA-22NCvC-88-02/2020) berserta dokumen-dokumen berkaitan pada 27 April 2021 kepada Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara ("Jabatan Peguam Negara"). Selanjutnya, Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan pandangan undang-undang berkenaan perkara tersebut pada 10 Mei 2021.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum berkenaan dengan status kes-kes mahkamah dengan SCICOM dan mengambil tindakan wajar yang tidak merugikan Kerajaan.

3.4 Syor 4: Amalan mana-mana Menteri atau pun Timbalan Menteri memohon pelantikan Pegawai Khas mereka menerusi perjawatan dalam Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun/ Syarikat Kerajaan harus dikaji semula. Segala pelantikan dalam jawatan Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun/ Syarikat Kerajaan harus membawa manfaat langsung kepada pihak masing-masing.

Maklum Balas KPT

Pada ketika ini, tiada pelantikan mana-mana Pegawai Khas kepada YB Menteri Pengajian Tinggi yang dilantik dan dibayar gaji oleh EMGS.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dan menyarankan pendirian ini sentiasa dipatuhi.

- 3.5 Syor 5: Agensi Kerajaan/Badan Berkanun/ Syarikat Kerajaan hendaklah mematuhi Prosedur Perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebarang pengecualian perlu merujuk kepada kelulusan daripada Kementerian demi tadbir urus korporat yang lebih baik.**

Maklum Balas KPT

3.5.1 EMGS mempunyai proses Prosedur Perolehan yang agak sama dan teratur seperti mana yang diamalkan oleh syarikat-syarikat *Company Limited by Guarantee* (GLC) yang lain. Pemakaiannya adalah tertakluk kepada proses perbincangan dan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah (yang terdiri daripada wakil kerajaan);

3.5.2 Di bawah ini disertakan had jumlah bagi Prosedur Perolehan EMGS:

Jumlah	Prosedur Perolehan
Jumlah sehingga RM250 ribu	Sekurang- kurangnya 3 sebut harga
Jumlah RM250 ribu ke atas sehingga RM1 juta	Tender Tertutup
Jumlah RM 1 juta ke atas	Tender Terbuka

3.5.3 EMGS akan memastikan segala Prosedur Perolehan akan mematuhi "*limit of authority*", proses dan peraturan yang telah ditentukan oleh Lembaga Pengarah.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan perkara di atas.

- 3.6 Syor 6: EMGS hendaklah meminda Perlembagaan (*Memorandum & Articles of Association*) dengan mengetatkan urus tadbir korporat serta mengembalikan hak dan kepentingan Kementerian.**

Maklum Balas KPT

- 3.6.1 Lembaga Pengarah yang baharu (yang terdiri daripada wakil kerajaan) telah diberi mandat oleh KPT supaya menyemak, mengemaskini dan menambahbaik Perlembagaan yang telah diguna pakai semenjak penubuhan pada tahun 2012;
- 3.6.2 Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah telah mengadakan perbincangan dan meluluskan pindaan-pindaan terhadap Perlembagaan sedia ada bagi memasukkan kuasa-kuasa pihak Kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi di dalam Perlembagaan yang baharu. Kesemua tindakan tersebut telah selesai dilaksanakan;
- 3.6.3 Pindaan Perlembagaan EMGS telah diluluskan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-41 pada 20 Oktober 2020 dan pindaan berkenaan juga telah mendapat persetujuan dari YB Menteri Pengajian Tinggi;
- 3.6.4 EMGS telah mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 26 Januari 2021 dan proses selepas ini adalah menghantar permohonan pindaan Perlembagaan kepada SSM bersama surat persetujuan dari YB Menteri Pengajian Tinggi mengenai pindaan berkenaan;

- 3.6.5 Pindaan Perlembagaan tersebut bertujuan mengembalikan kuasa-kuasa tertentu di dalam perlembagaan kepada KPT dan YB Menteri Pengajian Tinggi; dan
- 3.6.6 Pihak Setiausaha Syarikat EMGS telah menghantar permohonan pindaan Perlembagaan kepada SSM pada 17 Mac 2021 dan pihak SSM telah meminta dokumen tambahan pada 13 April 2021 dan Setiausaha Syarikat telah memberi dokumen tambahan pada 26 April 2021 dan permohonan ini telah diluluskan oleh SSM pada 2 Ogos 2021.

Ulasan PAC

PAC berpuas hati dengan maklum balas dan tindakan yang telah diambil oleh KPT dan EMGS.

- 3.7 Syor 7: KPT perlu merangka Model Perniagaan baru untuk EMGS memandangkan kemasukan pelajar asing ke Malaysia perlu terus ditingkatkan bagi membantu Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) khususnya pasca penularan pandemik virus COVID-19.**

Maklum Balas KPT

- 3.7.1 Lembaga Pengarah telah membincang modul (*module*) perniagaan baharu yang bersesuaian untuk dilaksanakan oleh EMGS. Lembaga Pengarah amat berhati-hati semasa menggubal modul perniagaan baharu agar tidak bertentangan dengan kontrak perjanjian antara EMGS dan SCICOM. Sekiranya bertentangan, ianya mungkin akan mengikat atau mendedahkan EMGS terhadap tindakan perundangan oleh SCICOM;
- 3.7.2 Oleh yang demikian, EMGS telah merangka modul perniagaan baharu yang tidak mengikat EMGS dan kontrak bersama SCICOM. Tindakan tersebut adalah selari dengan syor oleh PAC. Pihak pengurusan EMGS

telah membentangkan Rancangan Perniagaan dan Bajet 2021 kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-43 pada 15 Disember 2020. Satu kerangka dan hala tuju perbelanjaan baharu bagi aktiviti promosi dengan memberi penekanan kepada pulangan ke atas pelaburan (*Return On Investment*) terhadap setiap perbelanjaan oleh syarikat dan ini telah mendapat kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah Rancangan Perniagaan dan Bajet 2021 serta Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-43;

3.7.3 Daripada segi promosi, pihak EMGS akan mengadakan promosi secara fizikal selepas bulan Jun 2021 atau tertakluk kepada situasi wabak pandemik COVID 19 yang sedang melanda dunia. Pada masa yang sama, EMGS akan terus memberi fokus aktiviti promosi secara webinar dan digital; dan

3.7.4 Pihak EMGS juga telah membentangkan Model Perniagaan Baharu kepada Kementerian pada 16 Oktober 2020 di Mesyuarat Susulan Sesi Perbincangan Rancangan Malaysia Ke-12 yang dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Dr Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan perkara di atas.

4 PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh KPT selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

LAPORAN PROSIDING

- ❖ **Tindakan Susulan Kementerian pada Selasa, 5 Oktober 2021**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 5 Oktober 2021

MESYUARAT

JAWATANKUASA

KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:

EDUCATION MALAYSIA GLOBAL SERVICES (EMGS)

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi

Education Malaysia Global Services (EMGS)

YBhg. Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin, Ketua Pegawai Eksekutif

PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 5 OKTOBER 2021**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YBhg. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Nurul Nadiha binti Zamani [Penolong Setiausaha Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara (JAN)

Encik Md Adnan bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah I (Sektor Audit Tadbir Urus)]

Kementerian Kewangan (MOF)

Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Pengarah Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]
Encik Mohd Sakeri bin Abdul Kadir [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Kawalan dan Pemantauan)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Peguam Negara**

Encik Azroul Hisham bin Azulan [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Encik Che Rahim bin Daud [Timbalan Pengarah Pendidikan (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pengajian Tinggi**

YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Menteri]

YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff [Ketua Setiausaha]

YBhg. Datuk Rosli bin Yaakub [Timbalan Ketua Setiausaha (Bahagian Pengurusan dan Pembangunan)]

YBrs. Dr. Mohd Zabri bin Yusoff [Timbalan Ketua Setiausaha (Bahagian Dasar)]

YBrs. Dr. Aini Andria Shirin binti Anuarudin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar)]

Tuan Hj. Kamaruzaman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kewangan)]

Puan Rokiah binti Saad [Ketua Unit Audit Dalam]

Education Malaysia Global Services

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin [Ketua Pegawai Eksekutif]

Encik Mohd Azlan bin Abd. Aziz [Ketua Pengarah (Bahagian Kewangan, Akaun dan Perolehan)]

Encik Muhammad Afif bin Ahmad Sabri [Penolong Pengurus Kewangan dan Akaun]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Selasa, 5 Oktober 2021****Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.34 petang***[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, selamat petang, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC sekalian, ex-officio yang masih bersama dengan kita daripada AGC, JPA, MOF, Jabatan Akauntan Negara (JAN) dan Unit Perancang Ekonomi, JPM. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat PAC pada petang ini. Ahli-ahli PAC sekalian, pada petang ini, jawatankuasa ini akan mendengar penjelasan daripada Kementerian Pengajian Tinggi berhubung tindakan yang diambil terhadap syor laporan PAC atas isu syarikat EMGS yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 8 Disember 2020.

Sesungguhnya, PAC mencipta sejarah tersendiri dalam mesyuarat pertama Dewan Rakyat kali ini, apabila kita ada dua mantan Tuan Pengerusi kita yang dilantik menjadi Yang Berhormat Menteri Kabinet, hadir untuk memberikan penjelasan kepada jawatankuasa ini berhubung dengan isu kementerian masing-masing. Pada 22 September yang lalu, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee yang dilantik sebagai Tuan Pengerusi dari bulan Ogos 2018, hadir di hadapan jawatankuasa ini selaku Yang Berhormat Menteri MAFI bagi memberikan penjelasan terhadap isu kementeriannya.

Pada hari ini, seorang lagi mantan Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, mantan Tuan Pengerusi PAC yang berkhidmat sejak bulan April 2019 sehingga Mac 2020, hadir atas kapasiti selaku Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, bersama-sama dengan Yang Berbahagia Datin Rashidah binti Mohd Sies, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) selaku wakil KSP dan juga Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff, Ketua Setiausaha KPT.

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat Menteri dalam mesyuarat ini. Ini membuktikan betapa pihak kerajaan memandang serius peranan yang dimainkan oleh PAC, terutama sekali kehadiran daripada Yang Berhormat Menteri yang memberikan isyarat jelas mengenai kewibawaan

jawatankuasa ini. Seperti Yang Berhormat Menteri sedia maklum, berkenaan dengan isu EMGS ini yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1, dan PAC mengadakan empat prosiding untuk isu ini dan mesyuarat penyediaan laporan (*housekeeping*) sebanyak tiga kali bagi memberikan rumusan serta syor kepada kerajaan.

Isu ini dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1, dan tiga kali prosiding pada 8 Oktober 2019 dan dua kali, sekali prosiding pada 8 Oktober 2019 dan dua lagi prosiding pada 11 Oktober 2019 bagi meneliti dan mendapatkan keterangan serta penjelasan daripada KPM mengenai apa yang sebenarnya terjadi. Empat orang saksi telah pun dipanggil termasuk Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia pada ketika itu, dan Encik Shahinuddin bin Shariff, CEO EMGS pada ketika itu pada 4 September.

Selepas itu, Yang Berbahagia Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa, mantan CEO EMGS pada 9 Oktober 2019 dan kita memanggil semula Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan Encik Shahinuddin bin Shariff, CEO EMGS pada 28 November 2019, ya.

Tarikh-tarikh yang saya sebutkan di atas itu ada sedikit silap ya tadi. *The first one*. So, kita ada tiga kali prosiding. 4 September, 9 Oktober dan 28 November 2019. So, *housekeeping* diadakan pada— untuk tiga kali pada 9, 19, dan 25 November 2020. Selepas PAC membentangkan laporannya, jawatankuasa ini menggunakan punca kuasa kita di bawah Arahan Perbendaharaan 304(b) yang jelas maksudnya menyatakan, “*KSP hendaklah menghantar kepada Jawatankuasa Akaun Awam (PAC) satu memorandum muktamad mengenai perkara yang disebut dalam laporan jawatankuasa ini bagi memastikan kementerian melalui MOF, menghantar laporan interim terhadap syor yang dikemukakan.*”

Kita juga menggunakan punca kuasa di bawah perkara 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, iaitu boleh “*memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan apa-apa surat dan boleh mengeluarkan penyata kepada Majlis mengandungi fikiran dan pandangannya serta dengan butir-butir keterangan yang telah diberi di hadapannya*” untuk mengadakan mesyuarat tindakan susulan ini.

Kita mendapati kehadiran Yang Berbahagia KSU adalah amat penting dalam mesyuarat ini dan atas sebab itu, kita menggunakan punca kuasa kita di bawah Seksyen 3 Perkara 11(b) Pekeliling Am No. 2 1982 yang menggariskan tugas dan tanggungjawab KSP. Jadi, tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Yang Berhormat Menteri KPT bagi memulakan pembentangan bagi pihak KPT pada petang ini. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Seri. MOF ada kan? So, MOF yang *start*? Okey, silakan.

Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Pengarah Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Yang Berbahagia Datuk Rosli bin Yaakub, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin, Ketua Pegawai Eksekutif Education Malaysia Global Services dan pegawai-pegawai ex-officio PAC Parlimen.

Pengurusan Education Malaysia Global Services oleh Kementerian Pengajian Tinggi telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1. Susulan daripada itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen sebanyak tiga kali antara 4 September 2019 sehingga 28 November 2019 iaitu dalam Prosiding Bil. 33, Bil. 42, Bil. 49 Tahun 2019.

Setelah selesai sesi prosiding, PAC Parlimen telah mengemukakan tujuh syor dan berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh Pegawai Pengawal KPT selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b). Untuk makluman Ahli-ahli PAC Parlimen, MOF telah pun mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal KPT ke atas Syor-syor PAC bagi Prosiding DR14/2020 iaitu pengurusan Education Malaysian Global Services kepada Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada 19 Ogos 2021.

Sehubungan dengan itu, pada hari ini KPT akan menyampaikan taklimat ringkas kepada Ahli-ahli PAC berhubung tindakan susulan yang diambil oleh KPT berhubung isu ini. Sehubungan dengan itu, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyampaikan taklimat seterusnya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Menteri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan Ahli-ahli PAC. Saya mewakili Kementerian Pengajian Tinggi ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas syor-syor PAC yang telah diutarakan kepada kementerian untuk tindakan susulan. Kementerian telah pun mengambil beberapa inisiatif selaras dengan tadbir urus korporat yang lebih baik untuk menyelesaikan syor-syor PAC tersebut.

Kementerian amat berharap tindakan susulan yang telah dilaksanakan oleh KPT adalah memenuhi syor PAC yang akan dibentangkan sebentar nanti. Pembentangan ini akan dibuat oleh Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin iaitu CEO EMGS. Pada sesi pembentangan ini bersama saya adalah Pegawai Kanan KPT iaitu Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff selaku Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi dan Encik Mohd Radzlan sendiri selaku CEO EMGS.

Seperti yang kita sedia maklum, laporan PAC mengenai pengurusan Education Malaysian Global Services telah dibentangkan ke dalam Dewan Rakyat pada 8 Disember 2020 yang lepas. KPT telah mengemukakan laporan tindakan susulan terhadap syor-syor dalam laporan PAC pada 13 Januari 2021 dan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara kepada Kementerian Kewangan pada 24 Mei 2021.

Bagi tujuan tersebut, pada hari ini KPT akan membentangkan laporan lengkap maklum balas mengenai tindakan telah diambil terhadap tujuh syor yang telah dinyatakan oleh PAC dalam laporan sebelum ini. Jadinya, saya hendak mempersilakan Encik Mohd Radzlan teruslah untuk membuat pembentangan kalau sekiranya ada soalan-soalan yang akan ditimbulkan kami bertiga boleh *respond* terhadap persoalan-persoalan yang akan dibangkitkan. Jadinya, dipersilakan Encik Radzlan.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri. Sila.

Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff [Ketua Setiausaha]: Tuan Pengerusi, saya Mazlan.

Tuan Pengerusi: *Mic*, ya. Datuk Seri Dr. Mazlan. Okey.

Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff: Saya hendak menyambung sedikit yang Yang Berhormat Menteri KPT cakapkan tadi. Kita akan mendengar pembentangan yang agak terperinci daripada CEO EMGS, Encik Mohd Radzlan yang memegang jawatan ini sejak 20 Januari 2020 dan sebagaimana yang kita akan dengar selepas ini. Bagi syor-syor yang bersifat langsung atau *straightforward case* yang berada dalam bidang kuasa kementerian kita terus melaksanakannya *as that will be tabled*. Yang tidak melibatkan elemen-elemen perundangan, dokumentasi, kontrak dan sebagainya itu, kita juga telah melaksanakannya setakat yang kita boleh laksanakan kerana ia melibatkan aspek perundangan dan sebagainya. Itu akan dibentangkan pada hari ini.

So, the straightforward case, we have done a lot. Pindaan kepada perlembagaan pelantikan wakil kerajaan, penyusunan semula keahlian dan sebagainya. *So*, itu saja sayalah saya hendak tambah, Yang Berhormat. *Detail* akan dibentangkan oleh Encik Radzlan CEO. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin [Ketua Pegawai Eksekutif]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mazlan bin Yusoff, Ketua Setiausaha dan juga ahli-ahli mesyuarat yang lain. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Pengerusi di atas kesempatan untuk pihak EMGS membentangkan maklum balas KPT ataupun EMGS terhadap syor-syor PAC yang telah pun dibentangkan sebelum ini.

Yang Berhormat, izinkan saya terus kepada syor yang pertama. Syor pertama adalah agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat kerajaan hendaklah memastikan terdapat wakil kerajaan dalam Lembaga Pengarah masing-masing pada semua masa material untuk memastikan setiap keputusan yang diambil adalah sejajar dengan hala tuju kementerian.

Tuan Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa, *Alhamdulillah* pada 10 Mac 2020 Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini...

Tuan Pengerusi: *Sorry, ya. Encik Radzlan, ada slaid tidak? Tidak ada? Slaid tidak jalan.*

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Ada, ada. Tolong jalankan. *Next.* Minta maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *This one is better.*

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: *The other one.*

Tuan Pengerusi: *Yes.*

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Ini adalah latar belakang yang seperti Yang Berhormat telah bentangkan sebentar tadi. Saya terus ke syor pertama, Yang Berhormat.

Syor pertama, pada 10 Mac 2020 Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad telah dilantik sebagai Menteri Pengajian Tinggi yang telah pun seterusnya melantik dua orang wakil kerajaan iaitu yang pertama Yang Berbahagia Datuk Rosli bin Yaakub, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Yang Berbahagia Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia sebagai Ahli Lembaga Pengarah berkuatkuasa pada 21 Julai 2020.

Setiap mesyuarat-mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang akan menggariskan hala tuju EMGS telah pun dihadiri oleh kedua-dua wakil kerajaan tersebut di dalam setiap mesyuarat. Di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, telah dibincangkan antara lainya adalah penambahbaikan terhadap perlembagaan syarikat, perkara-perkara mengenai Syarikat SCICOM. SCICOM ini adalah syarikat

vendor yang mengendalikan *student application and registration system* (STARS) kami dan seterusnya meluluskan pelan strategik syarikat yang selari dengan RMKe-12.

Di samping itu, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi juga telah mengesyorkan supaya lima Ahli— Ahli ini, Yang Berhormat, adalah kalau dalam syarikat swasta lain ia seperti *shareholders*. Jadi, lima orang daripada enam orang ahli EMGS adalah terdiri daripada wakil Kementerian Pengajian Tinggi berbanding sebelum ini tiada seorang pun wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi menjawat jawatan tersebut.

Cadangan dan juga pindaan telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 30 Julai 2020 dan 26 Ogos 2020. Komposisi tersebut adalah bagi memastikan kepentingan kerajaan sentiasa terpelihara. Saya teruskan ke syor yang kedua oleh...

Tuan Pengerusi: Encik Radzlan, berbalik kepada pembentangan tadi, muka surat pertama dan kedua saya ada dua soalan, ya. Mungkin saya ajukan soalan kepada Yang Berhormat Menteri dan KSU.

Kita di PAC menerima baik segala penambahbaikan yang telah pun dinyatakan ini. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada kesemua penambahbaikan ini iaitu memastikan ada pelantikan wakil kerajaan dalam Lembaga Pengarah ini juga telah pun dilaksanakan di semua agensi ataupun syarikat kerajaan ataupun badan berkanun di bawah KPT. Itu satu.

Nombor dua, muka surat kedua, sila. Okey, nombor dua, sini menyatakan bahawa lima daripada enam orang ahli EMGS adalah terdiri daripada wakil KPT. So, ini merupakan satu *ratio* yang amat tinggi. *So, my question is, would there be a situation where there is not enough independent directors in the board? In view of only one out of six is actually independent from KPT.*

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Bawah KPT ini tidak banyak agensi. Agensi yang pertama— *it is not really an agency*—lah, sebab *EMGS is registered under* sendirian berhad. Pada mula-mulanya, apabila kita melihat M&A EMGS itu, tidak ada kaitan langsung kepada kementerian. *Amendment has been done*, dan sejeurus selepas *amendment* itu diluluskan oleh SSM, maka kita membuat pelantikan-pelantikan yang berkaitan. *Another one is PTPTN*, tetapi PTPTN ini adalah di bawah bidang kuasa MOF, tetapi *the monitoring ministry is KPT*. Jadinya, di PTPTN juga ada wakil daripada kerajaan.

Maknanya MOF pun ada, daripada KPT pun ada dan— siapa lagi yang ada? Kita ada dua— *AG Chambers* juga ada. Kita ada dua sahaja agensi di bawah kementerian kita kan? Kita ada dua sahaja. We are not— tetapi kita ada *public universities*. *Public universities* kita ada 20, dan dalam 20 itu, ada wakil-wakil

daripada Kementerian Kewangan ada, daripada KPT ada, dan pelbagai wakil-wakil juga ada.

Tuan Pengerusi: Okey, soalan kedua berkenaan dengan *ratio* yang kita ada sekarang. Lima daripada enam.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Sekiranya saya boleh bantu. Tuan Pengerusi, dalam syarikat ini kita ada dua komposisi yang penting, iaitu *members* dan juga *board of directors* yang mempunyai kuasa yang lebih besar. Yang menentukan hala tuju EMGS ini adalah *board of directors*. Di dalam *board of directors*, daripada lima orang, kita mempunyai komposisi-komposisi yang seimbang. Ada wakil daripada KPT, ada wakil Jabatan Imigresen, ada wakil korporat, dan juga ada wakil daripada industri. Jadi, untuk menjawab dari sudut keseimbangan dan juga *independent*, *board of directors* adalah boleh dikatakan *independent* pada masa ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: So, maksudnya *members* di sini bukan bermaksud *members of the board*-lah?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Bukan.

Tuan Pengerusi: Okey. Apa fungsi *members* di sini? *I think during the proceeding* kita tidak...

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Seperti yang saya maklumkan tadi, *members* ini kalau dalam syarikat swasta dia macam *shareholders*. Jadi, antara peranan besar *members* ini, dia hujung tahun perlu meluluskan antaranya *audit report*, dan juga sekiranya pindaan kepada perlembagaan hendak dibuat, perlu mendapat kelulusan daripada *board of directors*, kemudian akhirnya di *members*. Jadi, peranannya di situ Tuan Pengerusi.

Datin Rashidah binti Mohd Sies: Tuan Pengerusi, saya ingin memberi penerangan sedikitlah, ia mengenai syarikat-syarikat ini. Syarikat ini sebenarnya ada dualah. Satu, ditubuhkan sebagai syarikat berhad ataupun syarikat dengan pemegang saham, satu lagi syarikat *limited by guarantee* ya, dengan jaminan. So, EMGS ini ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan *limited by guarantee*. *That is why* dia punya pemegang saham tidak dipanggil sebagai pemegang saham tetapi dikenali sebagai ahli atau *members*.

Jadi di sini, saya ambil maklumlah bahawa untuk EMGS ini, ahli-ahlinya adalah terdiri daripada wakil-wakil kerajaan juga, dan juga saya rasa wakil kerajaan sahaja ya?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Wakil kerajaan lima, satu wakil luar.

Datin Rashidah binti Mohd Sies: Itu *members*?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: *Members* juga.

Datin Rashidah binti Mohd Sies: Okey, itu *members*. Jadi *members* ini sebenarnya kalau di dalam *Company Limited by Shares (CLBS)*, *it is actually shareholders*-lah. *They are the ones* yang bagi *contribution* untuk kapital ataupun modal kepada pihak syarikat.

Tuan Pengerusi: Untuk rekod, siapakah keenam-enam *members* yang kita ada sekarang?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Pada masa ini hanya tinggal lima. Pertama adalah Tuan Haji Kamaruzaman bin Mahmood, Setiausaha Bahagian Kewangan; Encik Mansor bin Ibrahim @ Abd. Hamid, Setiausaha Bahagian Sumber Manusia; Yang Berbahagia Dato` Shahrudin bin Abu Sohot, Setiausaha Bahagian Dasar, dan juga Encik Redhaudin Kamaruzaman, pada masa ini adalah Setiausaha Sulit Kanan kepada Yang Berhormat Menteri. Sebelum ini beliau adalah Pengarah Bahagian Education Malaysia, dan yang kelima adalah Yang Berbahagia Datuk Paul Chan wakil daripada industri.

Tuan Pengerusi: Yes, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi bagaimana ahli ini terpilih? Contohnya wakil dari industri itu.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Dalam perlembagaan kami yang telah pun dipinda baru-baru ini, kesemua kuasa tersebut kita telah kembalikan kepada Yang Berhormat Menteri yang menjaga Kementerian Pengajian Tinggi. Jadi, kita tidak *specified* dalam itu bagaimana pemilihan dibuat. Itu adalah tertakluk kepada kebijaksanaan hikmah dan juga budi bicara Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

Tuan Pengerusi: Okey. Ada? Yang Berhormat Lumut, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Pemilihan yang wakil daripada industri pun atas kuasa Menteri juga ya?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Betul, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Yang berkaitan dengan *internationalisation*. Yang ada kaitan— sebab kita EMGS ini adalah untuk *register*-kan...

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Mempromosi...

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: ...Menguruskan kemasukan pelajar antarabangsa ke dalam negara untuk belajar di dalam negara.

Tuan Pengerusi: Ada soalan lagi? Tidak ada ya? Datuk Seri, saya hendak tanya satu soalan yang berkenaan dengan ulasan Datuk Seri tadi berkenaan dengan pelantikan ahli-ahli ataupun wakil kerajaan ke lembaga— dia dipanggil apa? Lembaga Pengarah bagi Universiti-universiti Awamkan? Dia ada lembaga pengarah dia juga. So, kesemua pelantikan ini dibuat oleh KPT atau siapa yang buat?

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Okey. Kalau senat cadangan daripada senat, kalau alumni cadangan daripada alumni. Kalau ada industri ataupun komuniti tetapi akhirnya, keputusan akhirnya adalah keputusan Menteri untuk mencadangkan ataupun melantik LPU-LPU ini. Akan tetapi, ia berdasarkan kepada *contribution* mereka atas kapasiti masing-masing. Akan tetapi, kewangan, cadangan itu daripada Kementerian Kewangan. Kalau misalannya kementerian lain dia akan cadangkan. Dia *write letters to me* dan kemudian saya akan *endorse* sahajalah.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Ada soalan lagi? Jika tidak ada, masuk syor kedua.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Syor kedua, KPT dan EMGS perlu memastikan SCICOM melaksanakan kesemua tanggungjawab di bawah perjanjian di antara EMGS dan SCICOM yang bertarikh 1 November 2012, khasnya pelaksanaan skop kerja seperti yang termaktub dalam Klausula 5 dan *Appendix 2 Perjanjian*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, maklum balas KPT, Klausula 5 kontrak secara umumnya menyatakan tanggungjawab SCICOM dalam membangun dan memastikan sistem STARS beroperasi dengan cekap dan berkesan. Lampiran 2 kontrak menyenaraikan skop kerja yang perlu dilaksanakan oleh SCICOM seperti berikut:

- (i) membangun, mengendalikan, menyelenggara, dan mengemas kini sistem permohonan dan pendaftaran pelajar iaitu STARS;
- (ii) menubuhkan, mengendalikan, dan menyelenggara pusat data untuk *hosting* STARS;
- (iii) menubuhkan, mengendalikan, dan menyelenggarakan pusat pemprosesan dan kaunter perkhidmatan pusat sehenti EMGS;
- (iv) penyediaan *helpdesk* berbilang saluran STARS *Careline*; dan
- (v) Sebarang fungsi proses atau ruang lingkup lain yang disepakati antara kedua-dua pihak dari semasa ke semasa dan memberi sokongan selepas pelaksanaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebahagian besar skop kerja yang berkaitan dengan perancangan awal dan pelaksanaan STARS telah dilaksanakan oleh SCICOM. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang tidak dilaksanakan oleh SCICOM dengan alasan perkara-perkara tersebut tidak disebut secara jelas dalam kontrak, Yang Berhormat.

Antara perkara yang tidak dilaksanakan oleh SCICOM pada masa ini adalah, pertama, memberi akses yang penuh dan tidak terhad kepada data-data di dalam sistem STARS. Kedua, memberi *assurance* mengenai ketepatan data yang

disediakan oleh SCICOM dan *assurance* terhadap sistem kawalan dalaman di sekitar proses penyediaan data. Dalam perkara ini, kami KPT dan juga EMGS sebenarnya setuju dengan penemuan PAC, bahawa harus ada klausa-klausa yang lebih jelas di dalam kontrak serta dapat menjaga kepentingan kerajaan dan juga EMGS.

Tuan Pengerusi, berikut adalah usaha-usaha yang telah diambil oleh KPT dan juga EMGS bersama-sama pihak yang berkaitan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan kontrak yang sedia ada. Pertama, pada 11 Disember 2020, KPT bersama dengan Yang Berhormat Menteri mengadakan perbincangan dengan peguam dari Tetuan Lim Kian Leong & Co., peguam yang mewakili EMGS mengenai kemas kini status kes dan *way forward*. Pada 5 Januari, ahli lembaga pengarah yang dipengerusikan oleh wakil KPT mengadakan perbincangan dengan peguam mengenai kemas kini status kes dan *way forward*. Terakhir pada 25 Jun, ahli lembaga pengarah yang dipengerusikan oleh wakil KPT dalam membincangkan lebih mendalam mengenai hal-hal yang berkaitan dengan SCICOM, termasuk memberi mandat kepada pihak pengurusan untuk berbincang dengan SCICOM mengenai pembahagian hasil, penambahbaikan kepada lembaga rayuan perubatan, dan penambahbaikan operasi yang lain.

Atas sebab yang sama, KPT mengambil iktibar atas kelemahan perjanjian yang terdahulu dan akan memastikan bahawa perkara yang sama tidak berulang dan lebih berhati-hati bagi mana-mana perjanjian yang ditandatangani pada masa akan datang.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Ini adalah maklum balas yang kedua, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya dalam slaid yang awal sebelum ini, yang tentang akses yang masih lagi tidak dilaksanakan oleh SCICOM ialah— balik, balik yang tadi.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Muka surat enam?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Perkara A itu. Memberi akses yang penuh dan tidak terhad kepada data-data dalam sistem STARS. Ini memberi akses kepada siapa ya?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Memberi akses kepada pihak EMGS.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: EMGS. Sekarang dengan *way forward* yang baharu ini sudah boleh akses?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Kami masih lagi dalam perbincangan. Untuk makluman ahli-ahli jawatankuasa, pada 29 September, minggu lepas, pihak EMGS telah pun bertemu dengan pihak SCICOM untuk membincangkan *way*

forward. Jadi, perkara yang ini— kedua perkara ini masih lagi dalam perbincangan, yang pada masa ini boleh saya katakan ada harapan yang lebih cerah untuk dua perkara ini.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Sedikit lagi tambah.

Tuan Pengerusi: Ya, ya sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: SCICOM ini *is a private company* ya?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: *It's a public listed company*.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Public listed company, formed way before EMGS*-lah kan?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Ya betul.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi, *at this point in time*, apa juga data yang ada pada dia itu *belong to them*? Walaupun...

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Dalam perjanjian, data adalah milik EMGS. Akan tetapi, sistem itu— *the system* dibina dan diselenggarakan oleh pihak SCICOM. Jadi, akses kepada data-data itu EMGS tidak mempunyai *direct access*. Kami perlu membuat permohonan secara berkala— bukan berkala, setiap kali hendak kita perlukan data, kita perlukan akses daripada pihak SCICOM. Itu yang kami maksudkan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Setakat ini memang ...

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Setakat ini mereka *comply*. Maksudnya kita mohon kita dapat. Cumanya yang menjadi isu sebelum ini ialah kita tidak boleh secara terus dapat. Kita kena mohon dengan mereka.

Tuan Pengerusi: Okey Encik Radzlan.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Ya Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Semasa prosiding, kita dimaklumkan bahawa ada kes mahkamah yang belum lagi diselesaikan dengan SCICOM?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Betul Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Boleh tidak memberikan sedikit maklumat berkenaan dengan latar kes mahkamah tersebut dan apakah status dia sekarang?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pada masa ini, EMGS telah menyaman empat pihak. Pertama adalah SCICOM. Kedua adalah Dato' Dr. Adnan Alias, Pengerusi EMGS yang pertama. Ketiga adalah Encik Yazid Abd. Hamid, CEO yang pertama dan juga Encik Shahinudin Shariff sebagai ahli lembaga pengarah yang pertama. Keempat-empat mereka telah disaman oleh EMGS. Selepas EMGS memfailkan saman, pihak SCICOM telah memfailkan permohonan *stay of proceedings*, yang mana mereka mahu perbicaraan tidak diteruskan tetapi dibawa ke pihak *arbitration*. Mahkamah Tinggi telah menolak

permohonan tersebut dan pihak SCICOM sedang merayu. Pada masa ini masih lagi di peringkat rayuan untuk permohonan tersebut.

Dalam masa yang sama, Dato' Adnan dan Encik Yazid telah memfailkan *striking out* yang mana pihak mahkamah telah pun membenarkan *striking out application* yang telah dimohon oleh Dato' Adnan dan juga Yazid, defendan kedua dan ketiga. Mahkamah Tinggi telah membenarkan *striking out* kepada semua keempat-empat defendan. Jadi, pada masa ini adalah di peringkat rayuan EMGS untuk *reinstate* balik kes tersebut ke dalam Mahkamah Tinggi.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi tadi *mention* Adnan dengan Yazid sahaja yang berjaya mendapat *striking out order*?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Betul.

Tuan Pengerusi: Lepas itu?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Permohonan hanya dibuat oleh Adnan dan Yazid. Akan tetapi mahkamah telah membatalkan kesemua sekali walaupun tidak dimohon oleh dua lagi defendan.

Tuan Pengerusi: So, maksud dia, tuntutan oleh EMGS ini telah pun dibatalkan oleh mahkamah dan sedang dalam proses rayuan oleh EMGS.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Benar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya hendak tahu, bilakah kes tuntutan dari EMGS ini difailkan?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Pada Februari 2020. Minta maaf saya tidak dapat tarikh yang sebenar. Saya tidak bersedia dengan— tetapi pada Februari 2020 difailkan.

Tuan Pengerusi: Apakah klausa tindakan dia? *The cause of action*?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: *The cause of action is* kita menuntut antara lain adalah kos integrasi. Kos integrasi begini Tuan Pengerusi, apabila EMGS melantik SCICOM sebagai pengendali sistem STARS, sepatutnya mereka menanggung segala kos yang berkaitan dengan sistem. Akan tetapi apabila kita perlu *integrate* sistem di antara sistem STARS dan juga sistem MyIMMs milik Jabatan Imigresen Malaysia, di situ ada kos. Akan tetapi, SCICOM tidak menanggung kos tersebut, tetapi EMGS yang telah membayar kos sistem tersebut. Kita juga menuntut kos-kos operasi yang lain. Kita juga menuntut untuk pembatalan keseluruhan kontrak ini yang kita sifatkan sebagai kontrak berat sebelah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Satu penjelasan yang agak baik, tetapi apabila saya bandingkan— kenapa saya bangkitkan isu ini— kerana apabila saya dengar pembentangan dan baca dari slaid ini, seolah-olah pihak EMGS menyatakan SCICOM ada tanggungjawab dia dan dia pun telah melaksanakan tanggungjawab

dia dan *at the end*, ada beberapa perkara sahaja yang belum lagi dilaksanakan. *It looks like everything is okay until I asked you the question.*

So, apakah yang kita boleh faham dari slaid yang dibentangkan kepada kita ini? *Because, in the slide, if I do not know the background of the case, in the slide, I will straight away see, "hey look, SCICOM macam okey saja dengan pembentangan yang ada," tetapi of course, now we know there is a court case and parties are still fighting. So, what is the pendirian ataupun apakah pendirian KPT atau EMGS di sini? Is SCICOM still your friend or SCICOM is now your opponent in the court? So, I think that has to be very clear.*

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Penjelasan di syor kedua, sebenarnya ada juga berkaitan dengan yang syor yang ketiga. Kedua-duanya adalah melibatkan SCICOM. *SCICOM is still – masih partner* di dalam menguruskan *day-to-day duty* EMGS terhadap pelajar dan juga terhadap *institution*. Akan tetapi, seperti yang saya maklumkan tadi, kita ada *dispute*, antaranya apabila ahli lembaga pengarah yang baharu masuk pada tahun 2019 mendapati ada kelompongan di dalam perjanjian. Antaranya berkaitan dengan pembahagian keuntungan.

Dari segi operasi, segala-galanya mereka lakukan kecuali dua perkara yang telah kami bantangkan dalam slaid. Akan tetapi, *day-to-day operation*, mereka telah menjalankan tugas seperti yang dipertanggungjawabkan. Jadi, untuk menjawab soalan Tuan Pengerusi sama ada mereka masih kawan, ya– bukan kawan, *it's a business partner* untuk mengendalikan sistem tetapi masih lagi – pada peringkat ini, *opponent* di dalam mahkamah.

Tuan Pengerusi: *Can I look at the former slide, the earlier slide? Satu slide sebelum ini? Klausula lima, kontrak secara umum menyatakan tanggungjawab SCICOM. Yes, ini kita tahu dan selepas itu ia ada satu lampiran yang menyatakan tanggungjawab dia. A,B,C,D,E,F. Ini adalah apa yang tertera dalam kontrak nombor dua. Okay, next page.*

Sini kata sebahagian besar skop kerja yang berkaitan dengan perancangan awal dan pelaksanaan sistem STARS telah dilaksanakan oleh SCICOM. *That means, EMGS mengakui bahawa actually SCICOM has already done most of the work. Apakah– what is the justification of you suing them? It looks like you are suing them on the scope of works that is not stated in the agreement. This may be detrimental to your court case you know, Encik Radzlan? When we look at this.*
[Ketawa]

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Betul. Oleh sebab itu yang saya nyatakan tadi, pertama isu pembahagian keuntungan yang ditimbulkan oleh PAC dalam prosiding PAC yang terdahulu iaitu pembahagian yang dikatakan sebagai

tidak adil kepada syarikat yang mewakili kerajaan. Itu antara kandungan saman EMGS terhadap SCICOM. Dua perkara tersebut, pengendalian atau akses kepada data-data. Seperti yang saya maklumkan tadi *day-to-day service* yang mereka berikan, mereka jalankan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih CEO, Yang Berhormat Menteri juga. Saya hendak tanya adakah boleh kita masukkan secara eksplisit terma yang tidak adil khususnya dari segi nisbah perkongsian keuntungan kerana *once this is submitted it will be of course, utilised in court*. Jadi saya fikir memang okey bab maklum balas KPT 2A, akses tidak penuh, akses yang tidak terhad. *That's your demand* tetapi dari segi perkongsian keuntungan. Ini kerana, kalau tidak – *from* – kalau semua *thrown out, meaning the case is not that strong*-lah. *At least at this juncture*. Jadi kebimbangan kami ia akan melemahkan lagi tuntutan seterusnya.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Perkara pembahagian keuntungan tersebut sudah pun berada dalam terma perjanjian yang telah pun ditandatangani. Jadi oleh sebab itu, pihak pengurusan telah memohon kepada ahli lembaga pengarah untuk memberi mandat kepada pengurusan untuk bertemu dengan SCICOM untuk berbincang sekiranya ada ruang untuk dibincangkan semula nisbah pembahagian keuntungan tersebut di antara EMGS dan juga SCICOM. Dalam klausa perjanjian, perkara tersebut telah pun berada dalam perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 2012.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* From day one ada masalah. *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Ya, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Okay anyhow, so we come back here.* Ya, sila.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
[Berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Okey berkenaan dengan isu tadi. Ada di muka surat 11 laporan kita ada menyatakan perjanjian perkongsian hasil bagi tahun pertama hingga kesepuluh adalah 65 peratus kepada SCICOM dan 35 peratus kepada EMGS. Selepas itu, mulai tahun ke-11 sehingga ke-15, SCICOM akan mendapat 55 peratus, EMGS pula 45 peratus.

So, di sini saya hendak tanya – tadi kita ada diberitahu berkenaan dengan ada perbincangan dan juga pertemuan antara Yang Berhormat Menteri dengan siapa? Dengan SCICOM...

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tidak ada. Ada tadi?

Seorang Ahli: Itu dengan *lawyer*.

Tuan Pengerusi: Dengan *lawyer*?

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: *Lawyer* yang mewakili EMGS, okey. Di mana ya, di syor pertama ya?

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Dalam perjumpaan ini, perjumpaan ini dibuat dalam talian dan saya ingin mendapatkan apakah status terkini, *during that point of time*. Itu yang diterangkan oleh *lawyer* tersebut kan kepada saya, *to know the depth of the case itself*. Setelah itu saya lepaskan kepada EMGS untuk berurusan terus dengan...

Tuan Pengerusi: So, secara umumnya EMGS memang tahu berkenaan dengan kelemahan dalam kontrak ini dan juga perkara-perkara yang SCICOM dikatakan belum lagi mampu atau belum lagi *deliver* dalam perjanjian ini, betul?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Betul Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okay. So, jika tidak ada soalan lain saya minta teruskan.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Syor PAC yang ketiga juga ada berkaitan dengan SCICOM. KPT perlu mengkaji dan merunding semula perjanjian SCICOM mengikut perkembangan dan permintaan semasa. Sistem STARS perlu dipertingkatkan daripada segi penyimpanan data dan KPT perlu memastikan semua data dalam sistem STARS disimpan, diselia dan dimiliki oleh EMGS serta kementerian dan bukan diserahkan atau dikawal selia oleh syarikat vendor.

Maklum balas daripada pihak KPT dan EMGS, KPT dan EMGS sememangnya menyedari terdapat beberapa klausa data kontrak yang tidak memihak kepada kerajaan misalnya agihan pendapatan, tiada *exit clause*, tempoh kontrak dan penyambungan kontrak, pemilikan sistem STARS dan juga kawalan terhadap kandungan dan akses kepada data.

Tuan Pengerusi, berikut adalah— kalau kita lihat *point* dua— satu, dua dan tiga. Kesemuanya adalah berkaitan dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh EMGS berkaitan dengan undang-undang, permohonan-permohonan dan juga saman-saman yang telah dikemukakan oleh pihak EMGS. Kalau saya boleh terus ke *slide* yang ke-11 Tuan Pengerusi? Muka surat 11.

Tuan Pengerusi: No, I think you go one by one.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Hendak *one by one*?

Tuan Pengerusi: Ya, ya, ya. *Just a quick one*-lah.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Baik, boleh, boleh.

Tuan Pengerusi: *At least we know what are the cases that are pending.*

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Baik. Boleh Tuan Pengerusi. Balik ke muka surat lapan. [Merujuk kepada pembentangan slaid] Okey, yang pertama adalah surat tuntutan yang bertarikh 24 Julai 2019. EMGS telah menghantar notis atau surat tuntutan menuntut kos integrasi dan kos-kos operasi berkaitan. Kemudian, pada 24 Julai juga, terus memfailkan saman pemula, memfailkan saman pemula untuk mendapatkan akses...

Tuan Pengerusi: *Next slide, next slide.* Sudah tidak nampak.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: *Next slide* tadi. Minta maaf. Membenarkan— minta maaf. Mendapatkan akses yang penuh dan tidak terhad kepada data-data yang tertangkap dalam sistem STARS termasuk membenarkan KPMG Management and Risk Consulting Sdn. Bhd. melakukan perkhidmatan semakan IT.

Ketiga, saman melalui tetuan Lim Kian Leong pada 7 Februari 2020. Memfailkan saman writ supaya mencabar kesahihan perjanjian yang dimeterai antara EMGS dan SCICOM pada 1 November 2012 dan menuduh SCICOM ke atas pelanggaran Seksyen 12(1)(f) Akta Pasport 1966, Seksyen 8(10)(e)(iii) Akta Rahsia Rasmi dan Seksyen 40 Akta Peribadi dan Perlindungan. Pada masa ini, keputusan tindakan-tindakan, pertama, surat tuntutan yang dibuat, tiada tindakan susulan kerana terus kita buat saman pemula pada 11 Disember 2019, yang mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengizinkan permohonan SCICOM untuk menghentikan prosiding yang dibawa oleh EMGS dan memerintahkan agar setiap perselisihan dirujuk ke timbang tara (*arbitration*).

Seterusnya, writ saman pada 17 Disember, Mahkamah Tinggi membatalkan tindakan EMGS terhadap SCICOM dan EMGS telah mengemukakan rayuan pada 6 Januari 2021. Pihak KPT telah pun mendapatkan pandangan daripada Jabatan Peguam Negara melalui Unit Undang-undang KPT. Unit Undang-undang KPT telah merujuk keputusan kes mahkamah berkaitan EMGS berserta dokumen-dokumen berkaitan pada 27 April 2021 kepada Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara.

Tuan Pengerusi: Okey. So, sekarang rayuan masih diteruskan?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Benar Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: So, tidak ada keputusan sama ada hendak hendak teruskan dengan rayuan atau hendak hentikan dan masuk timbang tara?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya maklumkan sebelum ini, pihak lembaga pengarah telah pun memberikan mandat kebenaran kepada EMGS untuk bertemu dengan SCICOM. Maka, pada minggu lepas, pihak EMGS telah pun bertemu SCICOM dan ada beberapa perkara yang telah dibincangkan terutamanya poin-poin yang penting.

Jadi, pihak kami belum membentangkan lagi kepada pihak ahli lembaga pengarah sama ada apa yang kami bincangkan itu dipersetujui ataupun tidak. Selepas ini, selepas dibentangkan kepada ahli lembaga pengarah, barulah kami boleh buat keputusan sama ada untuk meneruskan atau tidak. Pada masa ini, belum ada arahan selanjutnya untuk menarik ataupun meneruskan rayuan.

Tuan Pengerusi: Okey, berkenaan dengan saman pemula yang mana mahkamah tinggi telah pun mengarahkan supaya kes dirujuk ke *arbitration*. So, *arbitration* itu ada jalan atau tidak?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Minta maaf Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: *Arbitration*. Berkenaan dengan saman pemula melalui tetuan Mah-Kamariyah & Philip Koh yang mana sama pemula itu cuba untuk mendapatkan akses yang penuh dan tidak terhad kepada data-data yang tertangkap dalam STARS. So,– dan keputusan mahkamah adalah rujuk ke *arbitration*?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Betul.

Tuan Pengerusi: So, dalam perkara ini, sama ada timbang tara itu ada dilaksanakan atau tidak?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Tidak ada Tuan Pengerusi, kerana apabila mahkamah membuat keputusan untuk meneruskan kes ini di peringkat *arbitration*, ahli lembaga pengarah terdahulu membuat keputusan untuk tidak meneruskan *arbitration* tetapi melantik peguam yang lain untuk menyaman SCICOM dari *angle* yang berlainan.

Tuan Pengerusi: Okey. So, itu adalah writ saman pada nombor tiga inilah? [Merujuk kepada slaid pembentangan].

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Benar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. So, saya hendak tanya sekiranya ada katakanlah dalam perbincangan dengan SCICOM, kedua-dua belah pihak ada *give-and-take-kan*? So, keputusan terakhir, keputusan muktamad akan dibuat oleh siapa? EMGS atau kena dirujuk kembali ke KPT?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Sebenarnya, kalau mengikut *constitution*, ia adalah keputusan yang akan dibuat oleh ahli lembaga pengarah. Walau bagaimanapun, saya percaya *to have a good governance* dan menjaga nama baik dan kepentingan KPT, kami akan merujuk juga perkara ini kepada pihak kementerian iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri untuk kita boleh panggil sebagai *blessing*-lah kalau saya boleh guna perkataan tersebut.

Tuan Pengerusi: Okey. *I think* untuk kes-kes mahkamah dengan SCICOM, ini amat jelas. Kita ada juga pandangan daripada AGC.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Syor PAC yang keempat, amalan mana-mana Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri memohon pelantikan pegawai khas menerusi perjawatan dan agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat kerajaan harus dikaji semula. Segala pelantikan dalam jawatan agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat kerajaan harus membawa manfaat langsung kepada pihak masing-masing. Maklum balas KPT pada ketika ini, tiada pelantikan mana-mana pegawai khas kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang dilantik dan dibayar gaji oleh EMGS. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey. *Straightforward. Thank you. Next.*

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Syor yang kelima, agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat kerajaan hendaklah mematuhi prosedur perolehan yang ditetapkan oleh kerajaan. Sebarang pengecualian perlu merujuk kepada kelulusan daripada kementerian demi tadbir urus korporat yang lebih baik. Maklum balas KPT Tuan Pengerusi, EMGS mempunyai proses prosedur perolehan yang agak sama dan teratur seperti mana yang diamalkan oleh syarikat-syarikat *company limited by guarantee* yang lain.

Pemakaiannya adalah tertakluk kepada proses perbincangan dan kelulusan ahli lembaga pengarah yang terdiri daripada wakil kerajaan. Di bawah ini disertakan had jumlah dan prosedur perolehan EMGS:

Jumlah (RM)	Prosedur Perolehan
RM250 ribu	Sekurang-kurangnya tiga sebut harga
RM250 ribu ke atas sehingga RM1 juta	Tender tertutup
RM1 juta ke atas	Tender terbuka

EMGS akan memastikan segala prosedur perolehan akan mematuhi *limit of authority* proses dan peraturan yang telah ditentukan oleh lembaga pengarah.

Tuan Pengerusi: Cukup. Kita *pause* di sini. Ada soalan berkenaan dengan SCICOM? *I could not remember*, bagaimanakah SCICOM dilantik pada mulanya? Ia tender atau rundingan terus?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Melalui tender yang terbuka dan SCICOM telah menghantar *proposal*. Banyak syarikat yang hantar *proposal* termasuk SCICOM dan SCICOM telah dipilih selepas proses tender tersebut.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Ada soalan untuk syor yang keempat Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya yang kelima tidak ada.

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Kelima. *Sorry*.

Tuan Pengerusi: Okey, yang keenam. Sila.

Mohd Radzlan bin Jalaludin: Syor yang keenam, EMGS hendaklah meminda Perlembagaan *Memorandum and Articles of Association* dengan mengetatkan urus tadbir korporat serta mengembalikan hak dan kepentingan kementerian.

Maklum balas Lembaga Pengarah yang baharu yang terdiri daripada wakil kerajaan telah diberi mandat oleh KPT untuk menyemak, mengemas kini, dan menambahbaik perlembagaan yang telah diguna pakai semenjak penubuhan pada tahun 2012.

Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah telah mengadakan perbincangan dan meluluskan pindaan-pindaan terhadap perlembagaan sedia ada bagi memasukkan kuasa-kuasa pihak kerajaan, khususnya Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dalam perlembagaan yang baharu. Kesemua tindakan tersebut telah selesai dilaksanakan. Pindaan Perlembagaan EMGS telah diluluskan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 20 Oktober 2020 dan pindaan berkenaan juga telah mendapat persetujuan dari Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

EMGS telah mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 26 Januari 2021 dan proses selepas ini adalah menghantar permohonan pindaan perlembagaan kepada SSM bersama surat persetujuan dari Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi mengenai pindaan berkenaan. Pindaan perlembagaan tersebut bertujuan mengembalikan kuasa-kuasa tertentu di dalam perlembagaan kepada KPT dan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

Pihak Setiausaha Syarikat EMGS telah menghantar permohonan pindaan perlembagaan kepada SSM pada 17 Mac 2021, dan pihak SSM telah meminta dokumen tambahan pada 13 April 2021, dan setiausaha syarikat telah memberi dokumen tambahan pada 26 April 2021, dan permohonan ini telah diluluskan oleh SSM pada 2 Ogos 2021.

Tuan Pengerusi: Encik Radzlan, boleh berikan makluman yang lebih *detailed* berkenaan dengan pindaan yang telah dibuat? Ini disebabkan, apa yang saya nampak adalah pindaan ini adalah untuk mengembalikan kuasa kepada KPT, dan sebagainya. *So, give us some examples.*

Mohd Radzlan bin Jalaludin: Baik, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum ini, Perlembagaan EMGS tidak nampak— atau tidak ada meletakkan sebarang kuasa Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang mengawal Kementerian Pengajian Tinggi di dalam EMGS. Tidak ada langsung. Secara termaktub.

Jadi, ketika saya mula menjawat jawatan ini pada Januari tahun lepas, perbincangan telah diadakan dengan Ahli Lembaga Pengarah dan juga termasuk pejabat Yang Berhormat Menteri untuk memasukkan kuasa Yang Berhormat Menteri ke dalam perlembagaan secara jelas dan termaktub di dalamnya. Sebab sebenarnya, kalau di lihat di dalam Memorandum Jemaah Menteri untuk penubuhan EMGS, ada beberapa kuasa yang sepatutnya ada tapi tidak ada. Pentingnya adalah Tuan Pengerusi, pertama adalah melantik jawatan-jawatan yang penting di dalam EMGS, iaitu Ahli Lembaga Pengarah, Pengerusi, *members* iaitu ahli dan juga CEO kepada EMGS. Jadi, inilah antara kuasa yang telah dikembalikan ataupun telah dimaktubkan di dalam Perlembagaan EMGS dan telah pun diluluskan pada 2 Ogos 2021. Itulah pindaan yang telah dibuat, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Syor yang terakhir ialah syor yang ketujuh. KPT perlu merangka model perniagaan...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, saya terpaksa rujuk balik yang tadi itu, ya. Kuasa Yang Berhormat Menteri itu tidak ada dalam perlembagaan asal, ya?

Mohd Radzlan bin Jalaludin: Perlembagaan asal tidak ada.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Bukannya hilang...

Mohd Radzlan bin Jalaludin: Tidak ada dalam perlembagaan tersebut.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Jadi, soalan saya sebenarnya penubuhan EMGS ini, rohnya macam mana? Hendak bagi dia satu kebebasan, atau memang niat begitu, ataupun ada kesilapan dalam merangka projek ini?

Mohd Radzlan bin Jalaludin: Kalau hendak cakap fasal roh itu saya... *[Ketawa]*. Ia begini, kalau kita— ia rujukan asal Yang Berhormat, adalah Memorandum Jemaah Menteri untuk penubuhan EMGS ini pada tahun 2012.

Jadi, dalam memorandum tersebut, memang termaktub bahawa sepatutnya EMGS ini diberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk melantik *key positions* tadi. Hal ini menunjukkan bahawa EMGS ini memang sepatutnya berada di bawah kawalan kementerian dan tidak melepaskan menjadi satu buah syarikat swasta sepenuhnya. Ia masih syarikat swasta, *governed* di bawah *Companies Act*, tetapi kuasa-kuasa— ada beberapa kuasa penting masih di bawah Yang Berhormat Menteri supaya segala hala tuju EMGS ini tidak tersasar daripada asas penubuhan EMGS ini. Jadi, rohnya begitu kalau saya boleh... Ya, Yang Berhormat?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: *What happened along the way* sampai masa ditubuhkan ataupun diperbadankan itu, tidak ada kuasa-kuasa itu?

Mohd Radzlan bin Jalaludin: Okey seperti saya maklum...

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad: Akan tetapi, dari segi pelaksanaan ia tidak dilaksanakan. Memorandum itu diluluskan di dalam Kabinet, tapi dari segi pelaksanaan tidak dilaksanakan.

Mohd Radzlan bin Jalaludin: Jadi, apa yang berlaku Yang Berhormat, sekali lagi saya boleh tambah kepada Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, apa yang berlaku sebelum-sebelum ini, sekiranya ada lantikan akan dibuat terutamanya untuk Ahli Lembaga Pengarah, pihak EMGS akan mendapatkan surat daripada Yang Berhormat Menteri.

Jadi, SSM, walaupun tidak ada dalam perlembagaan, ia tidak akan luluskan kalau tidak ada surat Yang Berhormat Menteri. Jadi, walaupun tidak ada dalam perlembagaan, tetapi SSM tidak akan luluskan pada masa itu. Sekarang, kita sudah ada dalam perlembagaan, lebih mudah dan lebih cepat untuk Yang Berhormat Menteri membuat lantikan.

Tuan Pengerusi: Okey, sudah? Yang Berhormat Lumut, okey? Sila, teruskan.

Mohd Radzlan bin Jalaludin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Syor ketujuh, saya ulang tadi; KPT perlu merangka model perniagaan baru untuk EMGS memandangkan kemasukan pelajar asing ke Malaysia perlu terus ditingkatkan bagi membantu IPTA dan IPTA khususnya pasca-penularan pandemik virus COVID-19.

Maklum balas KPT, Lembaga Pengarah telah membincangkan modul perniagaan baharu yang bersesuaian untuk dilaksanakan oleh EMGS. Lembaga Pengarah amat berhati-hati semasa mengubah modul perniagaan baharu agar ia tidak bertentangan dengan kontrak perjanjian antara EMGS dan SCICOM. Sekiranya bertentangan, ia mungkin akan mengikat atau mendedahkan EMGS terhadap tindakan perundangan oleh SCICOM.

Kedua, oleh yang demikian, EMGS telah merangka modul perniagaan baharu yang tidak mengikat EMGS dan kontrak bersama SCICOM. Tindakan tersebut adalah selari dengan syor oleh PAC. Pihak pengurusan EMGS telah membentangkan Rancangan Perniagaan dan Bajet 2021 kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-43 pada 15 Disember 2020. Satu kerangka dan hala tuju perbelanjaan baharu bagi aktiviti promosi dengan memberi penekanan kepada pulangan ke atas pelaburan (*return on investment*) terhadap setiap perbelanjaan oleh syarikat, dan ini telah mendapat kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah. Rancangan Perniagaan dan Bajet 2021 serta Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-43.

Dari segi promosi, Yang Berhormat, pihak EMGS akan mengadakan promosi secara fizikal selepas bulan Jun 2021, Yang Berhormat, itu adalah perancangan utama ataupun tertakluk kepada situasi wabak pandemik COVID-19 yang sedang

melanda dunia. Pada masa yang sama, EMGS akan terus memberi fokus aktiviti promosi secara *webinar* dan digital.

Pihak EMGS juga telah membentangkan model perniagaan baharu kepada kementerian pada 16 Oktober 2020 di Mesyuarat Susulan Sesi Perbincangan Rancangan Malaysia Ke-12 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad selaku Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi. Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat, saya buat tambahan secara verbal, secara lisan untuk promosi-promosi yang telah dijalankan oleh EMGS.

Sebelum ini, EMGS mengadakan aktiviti promosi ini secara fizikal di luar negara untuk menarik minat pelajar-pelajar antarabangsa di luar untuk datang ke Malaysia. Bermula pada 18 Mac 2020, apabila Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan yang mana sempadan ditutup, kami meneruskan melalui *webinar* dan juga beberapa siri jelajah promosi melalui secara maya.

Webinar, kami telah laksanakan sebanyak 31 *webinar* di 24 buah negara. Kami juga membuat *course talk series*, Yang Berhormat, sebanyak 50 yang melibatkan 22 buah institusi yang telah dilayari ataupun *view* seramai 1,912,439 orang daripada 23 buah negara. Kami juga telah melancarkan satu portal yang kami panggil *Discover Education Malaysia Portal* yang telah mendapat 100,000 orang pengunjung dalam tempoh tiga bulan.

Untuk maklumat ahli-ahli mesyuarat, setakat 30 September 2021, kita telah menerima sebanyak 30,698 permohonan baru. Sekiranya kita bandingkan pada masa yang sama tahun lepas iaitu hanyalah sekitar 23,219. Tuan Pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat, permohonan yang paling tinggi ataupun permohonan yang tinggi pada masa ini kita terima untuk peringkat pengajian PHD sebanyak 9,040 dan juga peringkat Sarjana sebanyak 8,655.

Jadi, *Alhamdulillah*, walaupun dalam keadaan pandemik pada masa ini, Malaysia masih lagi menjadi tumpuan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian tinggi mereka. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Lumut, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Saya nak *crosscheck* balik, saya tidak ingat peranan SCICOM. Dalam hal ini, memang SCICOM bukan kerja dia ya? Untuk *advertise*, untuk...

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Bukan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Tidak ya?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: SCICOM hanya mengendalikan permohonan pelajar antarabangsa untuk mendapatkan visa. Dia mengendalikan sistem, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: So, memang publisiti *all the while under EMGS?*

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Betul Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya. Ada soalan lain berkenaan dengan isu ini? Yang Berhormat Kluang ada? Tidak ada? Okey. Jika tidak ada, bagi sesi maklum balas pada petang ini, sememangnya kita boleh nampak betapa pentingnya sesebuah kontrak yang dimasuki oleh agensi kerajaan ataupun kementerian. Di sini *I think*, bagi SCICOM, isu SCICOM ini masa prosiding dan juga semasa *housekeeping* PAC ini, memang kita mengambil berat berkenaan dengan klausa-klausa dan juga kandungan SCICOM khasnya apa yang harus dilakukan - tanggungjawab SCICOM dalam perjanjian itu.

Saya masih ingat masa itu Yang Berhormat Subang ada bangkit berkenaan dengan *percentage ratio* itu yang nampaknya terlalu memihak kepada mereka yang memenangi kontrak, *65 percent to 35 percent*. So, *these are the things that of course EMGS needs to handle now*. Akan tetapi mungkin untuk makluman MOF, pada masa yang akan datang, kena mengingatkan semua kementerian apabila memasuki mana-mana kontrak, kenalah memastikan klausa-klausa adalah lebih memihak kepada kerajaan. *You want to have a job with the government, I think the contractor will know how to accede to the government requests* dan bukannya suatu kontrak yang sekarang tidak ada *accede*. Mungkin AGC di sini boleh memberikan pandangan pada masa hadapan bagaimana kita boleh adakan sesuatu macam *exit clause* kontrak-kontrak yang dimasuki oleh kerajaan. So, *I think, that is something very important for all the government procurements and also for all the government contracts*.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Ada berapa tahun lagi kontrak ini?

Tuan Pengerusi: Jumlah dia 15 tahun. Dia mula bila, CEO?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Bermula pada tahun 2012. Dia, kontrak dia adalah 15 tambah lima. Lima belas tahun untuk yang wajib, lima tahun tambahan itu adalah opsyen kepada SCICOM.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli: Kita tidak boleh tolak?

Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin: Itulah yang ada dalam kontrak pada masa ini Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Of course*, sekiranya EMGS menamatkan perjanjian, *then will subject to the legal consequences also-lah. The agreement has already been signed*. Okey. Jika tidak ada apa-apa soalan ataupun penjelasan lanjut yang diperlukan oleh ahli-ahli sekalian, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Datuk KSU bersama-sama dengan CEO EMGS dan

saksi-saksi lain yang hadir. Juga, terima kasih kepada ahli-ahli yang hadir pada pagi dan petang. Juga, kepada semua ex-officio. So, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua. Ada sedikit *tea time* ya. Ini dari Yang Berhormat Kluang.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.44 petang]